

MALAYSIA
DEWAN RAKYAT
ATURAN URUSAN MESYUARAT

NASKAH SAHIH/BAHASA MALAYSIA

<http://www.parlimen.gov.my>

HARI ISNIN, 16 NOVEMBER 2020, PUKUL 10.00 PAGI

Bil. 36

PERTANYAAN-PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN

1. PR-1433-L11373
Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau] minta **MENTERI KOMUNIKASI DAN MULTIMEDIA** menyatakan apakah mekanisme yang dilakukan oleh pihak Kementerian bagi membendung masalah penyebaran berita palsu terutamanya berkaitan pandemik COVID-19 yang telah menimbulkan panik dan menggugat ketenteraman awam serta adakah pihak Kementerian bercadang untuk mengembalikan semula Akta Antiberita Tidak Benar yang dimansuhkan sebelum ini.
2. PR-1433-L10473
Puan Hannah Yeoh Tseow Suan [Segambut] minta **MENTERI PERUMAHAN DAN KERAJAAN TEMPATAN** menyatakan adakah Jabatan Bomba dan Penyelamat dilengkapi dengan peralatan yang mencukupi bagi menangani kes kebakaran melibatkan bangunan kediaman bertingkat, mempunyai kepadatan penduduk yang tinggi dan terletak berdekatan antara satu sama lain seperti di kawasan Mont Kiara dan Taman Sri Sinar.
3. PR-1433-L10544
Datuk Seri Haji Ahmad bin Haji Maslan [Pontian] minta **MENTERI TENAGA DAN SUMBER ASLI** menyatakan usaha-usaha baru dan prospek kini dan masa depan sektor galian dan perlombongan di negara ini yang boleh menambah hasil negara termasuk contohnya nadir bumi yang tiada bahan radioaktif dan hasil hutan yang lebih lestari.
4. PR-1433-L10809
Dr. Maszlee bin Malik [Simpang Renggam] minta **MENTERI PENGAJIAN TINGGI** menyatakan status semasa rasionalisasi pejabat-pejabat Education Malaysia (EM) di luar negara.

5. PR-1433-L11342
Datuk Hajah Azizah Binti Datuk Seri Panglima Haji Mohd Dun [Beaufort] minta **MENTERI KANAN PENDIDIKAN** menyatakan apakah kaedah/mekanisme yang digunapakai oleh Kementerian dalam mengenal pasti sekolah-sekolah daif yang memerlukan penaiktarafan seperti bangunan dan kemudahan lain.
6. PR-1433-L10680
Tuan Karupaiya A/L Mutusami [Padang Serai] minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan hutang dan liabiliti Kerajaan yang berjumlah RM1.264 bilion pada akhir tahun ini yang dikatakan oleh Timbalan Menteri Kewangan I. Apakah langkah Kerajaan dalam memastikan jumlah hutang dan liabiliti tersebut tidak menjadi beban kepada generasi akan datang.
7. PR-1433-L10108
Dato' Haji Mohd Fasih bin Haji Mohd Fakeh [Sabak Bernam] minta **MENTERI PEMBANGUNAN LUAR BANDAR** menyatakan adakah Kementerian bercadang untuk memperkenalkan Lampu Jalan Berkuasa Solar untuk lampu jalan di luar bandar yang didapati lebih menjimatkan termasuk di kawasan Parlimen Sabak Bernam.
8. PR-1433-L10342
Tuan Chan Foong Hin [Kota Kinabalu] minta **MENTERI SAINS, TEKNOLOGI DAN INOVASI** menyatakan sama ada pihak Kementerian telah membuat apa-apa pesanan untuk mengimport vaksin daripada firma negara China seperti Cansino, Sinovac dan Sinopharm, atau firma UK seperti AstraZeneca. Adakah Kementerian mempunyai cadangan untuk menetapkan susunan keutamaan untuk vaksinasi COVID-19 seperti yang dilakukan di Indonesia.
9. PR-1433-L10119
Tuan Ramli bin Dato' Mohd Nor [Cameron Highlands] minta **MENTERI PEMBANGUNAN LUAR BANDAR** menyatakan apakah perancangan daripada pihak Kementerian untuk menaik taraf jalan raya di kawasan pedalaman Orang Asli dari Pos Kuala Betis sehingga ke jajaran Pos Gob Gua Musang, Kelantan.
10. PR-1433-L10995
Tuan Gobind Singh Deo [Puchong] minta **MENTERI KANAN PENDIDIKAN** menyatakan apakah rancangan Kerajaan untuk memastikan semua sekolah di Malaysia bersiap sedia untuk pendidikan digital dan apakah statusnya sehingga sekarang. Sejauh mana pendidikan dalam talian telahpun dilaksanakan semasa wabak COVID-19 dan keberkesanannya.

11. PR-1433-L10635
Dato' Haji Jalaluddin bin Haji Alias [Jelebu] minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan berapa jumlah sesi konsultasi yang telah dibuat dalam menyediakan Belanjawan 2021 dan siapakah pihak-pihak yang telah dilibatkan.
12. PR-1433-L11271
Puan Nor Azrina binti Surip [Merbok] minta **MENTERI KOMUNIKASI DAN MULTIMEDIA** menyatakan sejauh manakah pakej rangsangan ekonomi sebanyak RM25 juta diperuntukkan melalui MDEC bagi program '*Global Online Workforce*' (GLOW) dalam meningkatkan keupayaan ekonomi gig ini benar-benar sampai kepada sasaran.
13. PR-1433-L10298
Dato' Haji Mohd. Salim Sharif [Jempol] minta **MENTERI SAINS, TEKNOLOGI DAN INOVASI** menyatakan perancangan masa hadapan berkaitan pembangunan satelit bagi tujuan keselamatan dan kedaulatan negara, memandangkan Malaysia masih belum mengoperasikan satelit sendiri pada masa ini.
14. PR-1433-L11003
Tuan Wong Ling Bui [Sarikei] minta **MENTERI PERUMAHAN DAN KERAJAAN TEMPATAN** menyatakan berapa peratuskah penurunan penjualan harta tanah semasa pandemik wabak COVID-19 ini. Berapa banyak penurunan yang akan dijangka pada tahun depan.
15. PR-1433-L10576
Dato' Mohd. Nizar bin Haji Zakaria [Parit] minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan :-
 - (a) status terkini pemulihan ekonomi negara sejak dilanda pandemik COVID-19; dan
 - (b) sejauh manakah keberkesanan Pelan Jana Semula Ekonomi Negara (PENJANA) dan Pakej Rangsangan Ekonomi Prihatin Rakyat (PRIHATIN) membantu ke arah kesejahteraan rakyat dan kemakmuran negara.
16. PR-1433-L10864
Datuk Dr. Hasan bin Bahrom [Tampin] minta **MENTERI PEMBANGUNAN LUAR BANDAR** menyatakan apakah ada perancangan yang menyeluruh bagi membangunkan tanah-tanah terbiar yang terdapat di negara ini. Sekiranya ada apakah pelan tindakan yang akan dilakukan oleh Kementerian bagi menjayakan pembangunan tanah tersebut.

17. PR-1433-L10534
Tuan Yamani Hafez bin Musa [Sipitang] minta **MENTERI KOMUNIKASI DAN MULTIMEDIA** menyatakan berapa banyak menara pencawang baharu diluluskan untuk Sabah tahun ini, bagi memberikan akses internet kepada penduduk, terutama di kawasan pedalaman dan terpencil, selaras usaha merapatkan jurang digital di antara Sabah dan Sarawak dengan Semenanjung.
18. PR-1433-L10601
Dato' Dr. Xavier Jayakumar A/L Arulanandram [Kuala Langat] minta **MENTERI TENAGA DAN SUMBER ASLI** menyatakan apakah kaedah pemantauan atau kawalan bagi pengorekan pasir laut di bawah Akta Pelantar Benua 1966 telah diberikan kepada pelesen-pelesen yang menepati syarat-syarat yang telah digariskan. Adakah ini memanfaatkan Kementerian dari segi sumber hasil dan apakah tindakan-tindakan yang diambil untuk mengelak kesan serta berlaku kecurian pasir dasar laut.
19. PR-1433-L10171
Datuk Zakaria bin Mohd. Edris @ Tubau [Libaran] minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan apakah status ekonomi dan kedudukan kewangan negara Malaysia akibat penularan pandemik COVID-19.
20. PR-1433-L11270
Puan Nor Azrina binti Surip [Merbok] minta **MENTERI PENGAJIAN TINGGI** menyatakan apakah solusi segera Kementerian untuk menyelesaikan isu mahasiswa yang tinggal di kawasan luar bandar yang mempunyai talian internet yang perlahan bagi menghadapi pembelajaran atas talian.
21. PR-1433-L10955
Dr. Kelvin Yii Lee Wuen [Bandar Kuching] minta **MENTERI PERUMAHAN DAN KERAJAAN TEMPATAN** menyatakan tentang pelan Kementerian untuk membina lebih rumah mampu milik di Kuching dan seluruh Sarawak. Apakah status penyelesaian pembeli-pembeli awal Perbadanan PR1MA yang telah mengalami kerugian kewangan akibat 'rebate' yang dikenakan untuk pembeli lain di bawah Kempen Pemilikan Rumah (HOC) pada tahun 2019.
22. PR-1433-L11011
Puan Hajah Fuziah binti Salleh [Kuantan] minta **MENTERI PENGAJIAN TINGGI** menyatakan tahap keberkesanan pembelajaran dan pengajaran atas talian di kalangan pensyarah dan mahasiswa. Sama ada telah dilaksanakan kajian berkenaan faktor-faktor yang merupakan halangan kepada keberkesanan pembelajaran atas talian.

23. PR-1433-L10276

Dato' Haji Ahmad Nazlan bin Idris [Jerantut] minta **MENTERI PEMBANGUNAN LUAR BANDAR** menyatakan adakah Kementerian bercadang memberikan pembiayaan khas kepada usahawan MARA yang terkesan dengan wabak COVID-19 memandangkan wabak ini masih belum reda.

24. PR-1433-L10753

Tuan Chang Lih Kang [Tanjung Malim] minta **MENTERI PERUMAHAN DAN KERAJAAN TEMPATAN** menyatakan perbelanjaan yang disediakan oleh Kerajaan untuk Penggerak Komuniti Tempatan (PeKT) di seluruh negara. Apakah peranan dan bidang kuasa PeKT.

25. PR-1433-L11021

Datuk Mohamad bin Alamin [Kimanis] minta **MENTERI KOMUNIKASI DAN MULTIMEDIA** menyatakan :-

- (a) apakah usaha Kementerian khususnya Suruhanjaya Komunikasi Multimedia Malaysia (SKMM) dalam mempertingkatkan tahap dan kualiti perkhidmatan komunikasi di Sabah serta langkah proaktif dalam masa terdekat untuk mengatasi kelompongan rangkaian (*network gap*) di pedalaman; dan
- (b) adakah inisiatif seperti program kesedaran penggunaan internet masih giat dijalankan bagi menangani penularan berita tidak sahih yang memberi impak buruk dan persepsi negatif kepada Kerajaan.

26. PR-1433-L11098

Tuan Wong Tack [Bentong] minta **MENTERI SAINS, TEKNOLOGI DAN INOVASI** menyatakan benarkah Agensi Tenaga Atom Antarabangsa (IAEA) telah mengatakan bahawa "*Lynas operations is safe*". Sekiranya ya, nyatakan dokumen yang mengesahkan kenyataan ini.

27. PR-1433-L11353

Datuk Hajah Azizah Binti Datuk Seri Panglima Haji Mohd Dun [Beaufort] minta **MENTERI KOMUNIKASI DAN MULTIMEDIA** menyatakan berapa jumlah daerah yang telah dinaik taraf capaian internet di Sabah pada tahun ini dan yang akan dinaik taraf pada tahun hadapan .

28. PR-1433-L10124
Tuan Ramli bin Dato' Mohd Nor [Cameron Highlands] minta **MENTERI PEMBANGUNAN LUAR BANDAR** menyatakan bilakah pihak Kementerian akan membaik pulih dan menaik taraf jalan pedalaman Pos Senderut iaitu dari jalan utama Sungai Koyan-Raub ke Kampung Hulu Senderut serta membina jalan baharu dari Kampung Hulu Senderut ke Kampung Labu.
29. PR-1433-L10610
Dato' Dr. Xavier Jayakumar A/L Arulanandram [Kuala Langat] minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan apakah pelan Kerajaan untuk membantu kos sara hidup peniaga kecil seperti pasar pagi dan malam, memandangkan sumber pendapatan mereka terjejas semasa waktu PKPB ini.
30. PR-1433-L11049
Tuan Sivakumar Varatharaju Naidu [Batu Gajah] minta **MENTERI PENGAJIAN TINGGI** menyatakan pemantauan Kementerian terhadap IPTS yang terpaksa beroperasi dalam keadaan luar biasa akibat kekangan wabak COVID-19. Adakah Kementerian bercadang untuk mengadakan rundingan dengan pihak IPTS untuk menurunkan yuran pengajian kerana terdapat perubahan besar dalam norma pengajaran dan pembelajaran pada ketika ini.
31. PR-1433-L10400
Tuan Chan Ming Kai [Alor Setar] minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan jumlah pembiayaan perumahan yang telah diluluskan oleh setiap institusi-institusi kewangan masing-masing yang terlibat dalam Skim Jaminan Kredit Perumahan (SJKP) dan nyatakan bank apa yang membiayai peminjam yang paling ramai.
32. PR-1433-L10113
Dato' Sri Haji Tajuddin bin Abdul Rahman [Pasir Salak] minta **MENTERI PEMBANGUNAN LUAR BANDAR** menyatakan status Pembangunan Bandar Seberang Perak, Kampung Gajah.
33. PR-1433-L11329
Tuan R. Sivarasa [Sungai Buloh] minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan jumlah dana yang dibelanja untuk perolehan '*procurement*' oleh Kerajaan sejak 1 Mac 2020 untuk pengurusan dan pembangunan dan juga pecahan untuk belanja yang dilakukan oleh rundingan terus, tender terhad dan tender terbuka. Adakah Kerajaan bercadang demi ketelusan proses perolehan untuk meletak semua maklumat dan dokumentasi semua peringkan perolehan atas talian untuk pemerhatian awam.

34. PR-1433-L11069
Dato' Seri Mahdzir bin Khalid [Padang Terap] minta **MENTERI SAINS, TEKNOLOGI DAN INOVASI** menyatakan sejauh manakah usaha pihak Kementerian untuk membangunkan ekonomi rakyat menerusi tranformasi teknologi digital berteraskan '*internet of things*' (IoT) terutamanya yang bersifat setempat bagi melahirkan inovasi sistem rangkaian gig ekonomi tempatan di samping mewujudkan lebih banyak peluang pekerjaan dalam tempoh pasca COVID-19.
35. PR-1433-L10226
Datuk Wilson Ugak Anak Kumbong [Hulu Rajang] minta **MENTERI PERUMAHAN DAN KERAJAAN TEMPATAN** menyatakan :-
- (a) status balai bomba di Pekan Belaga ; dan
 - (b) sekiranya pihak Kementerian bercadang untuk membina sebuah balai bomba di Penempatan Semula Sg. Asap, Belaga .
36. PR-1433-L10744
Tuan Kesavan A/L Subramaniam [Sungai Siput] minta **MENTERI KANAN PENDIDIKAN** menyatakan apakah sebab-sebab kelewatan penyempurnaan pembinaan baru Sekolah SJK(T) Sungai Reyla di tapak baru.
37. PR-1433-L10308
Tuan William Leong Jee Keen [Selayang] minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan sebab-sebab Kerajaan menyokong cadangan penggabungan UEM Sunrise-EcoWorld dan usaha menyelamatkan (*bailout*) EcoWorld.
38. PR-1433-L10424
Tuan Pang Hok Liong [Labis] minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan negara kita kini masuk gelombang ketiga wabak pandemik COVID-19, apakah Kerajaan bercadang untuk melanjutkan tempoh moratorium pinjaman supaya membolehkan individu dan perniagaan menyusun semula kewangan dan menstrukturkan pembiayaan semula pinjaman mereka.
39. PR-1433-L10669
Puan Nurul Izzah binti Anwar [Permatang Pauh] minta **MENTERI KANAN PENDIDIKAN** menyatakan :-
- (a) jumlah sekolah terlibat jangkitan COVID-19 dan adakah Kementerian mempertimbangkan sistem persekolahan berselang seperti disarankan KRI, memandangkan keadaan fizikal sekolah menyukarkan penjarakan sosial; dan

(b) perancangan Kementerian menambah baik sistem pembelajaran dalam talian bagi persediaan, memandangkan vaksin COVID-19 masih belum diperolehi.

40. PR-1433-L10702

Tuan Lim Guan Eng [Bagan] minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan impak ke atas ekonomi negara akibat gelombang ketiga wabak COVID-19, dan mengapa moratorium pinjaman bank-bank (nilai terkini) tidak boleh dilanjutkan selama 6 bulan lagi agar 8 juta rakyat dan syarikat Malaysia dapat menyelamatkan perniagaan dan pekerjaan mereka.

41. PR-1433-L10760

Tuan Sim Tze Tzin [Bayan Baru] minta **MENTERI KOMUNIKASI DAN MULTIMEDIA** menyatakan adakah Kementerian bersimpati dengan pelajar luar bandar seperti Veveonah yang menghadapi masalah kekurangan internet. Apakah langkah-langkah yang akan dilaksanakan untuk mengatasi masalah tersebut.

42. PR-1433-L10212

Tuan Fong Kui Lun [Bukit Bintang] minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan berapa kerugian yang pihak bank tanggung berikutan pelaksanaan moratorium bayaran balik pinjaman yang berakhir 30 September 2020 dan bilangan peminjam yang diberikan lanjutan tempoh bagi meringankan bebanan kewangan mereka.

43. PR-1433-L10738

Tuan Cha Kee Chin [Rasah] minta **MENTERI KANAN PENDIDIKAN** menyatakan apakah status peruntukan RM50 juta masing-masing untuk penyelenggaraan bangunan sekolah SJK(C) dan SJK(T), sepertimana yang telah diumumkan dalam Belanjawan 2020. Berapa jumlah yang telah disalurkan kepada sekolah-sekolah dan bilakah keseluruhan peruntukan ini akan disalurkan.

44. PR-1433-L11083

Tuan Wong Tack [Bentong] minta **MENTERI SAINS, TEKNOLOGI DAN INOVASI** menyatakan adakah Kementerian akan menaikkan amaun pegangan wang cagaran (*security deposit*) yang perlu dibayar oleh Lynas daripada US\$50 juta yang telah diterima setakat ini.

45. PR-1433-L11118

Tuan Tony Pua Kiam Wee [Damansara] minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan jumlah jaminan yang telah diberikan secara langsung dan tidak langsung oleh Kementerian Kewangan dan agensi Kerajaan, termasuk Bank Negara dalam program-program menghadapi ancaman COVID-19. Apakah nilai dan tahap penggunaan (*take up rate*) untuk setiap program jaminan ini.

46. PR-1433-L10777

Tengku Zulpuri bin Raja Puji [Raub] minta **MENTERI KOMUNIKASI DAN MULTIMEDIA** menyatakan Perancangan untuk mengaktif serta mengembangkan perkhidmatan jalur lebar di kawasan desa dan luar bandar sangat penting khususnya dalam bidang pendidikan '*online*' dalam keadaan Perintah Kawalan Pergerakan atau dalam keadaan darurat :-

- (a) berapa menara komunikasi jalur lebar yang telah dipasang di Parlimen Raub, nyatakan lokasi, kekuatan gelombang yang sedia ada dan rancangan penambahan Menara Jalur Lebar ini di masa hadapan, nyatakan lokasi baru yang dicadangkan ; dan
- (b) amnya juga di kawasan luar bandar seperti di Sabah dan Sarawak.

47. PR-1433-L10326

Tuan Steven Choong Shiau Yoon [Tebrau] minta **MENTERI PENGAJIAN TINGGI** menyatakan apakah kaedah pemerkasaan yang diambil oleh KPT untuk mengintegrasikan elemen industri IR 4.0 dalam kurikulum supaya dapat melahirkan graduan yang berkualiti dan kompeten.

48. PR-1433-L10766

Tuan Khoo Poay Tiong [Kota Melaka] minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan :-

- (a) berapa jumlah peminjam bank di Malaysia (individu dan bukan individu), termasuk berapakah daripada jumlah itu yang telah memohon atau dihubungi bank untuk lanjutan moratorium bersasar; dan
- (b) apakah sebab-sebab utama permohonan pelanjutan moratorium ditolak oleh bank.

49. PR-1433-L10201

Tuan Oscar Ling Chai Yew [Sibü] minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan rancangan Kerajaan untuk memulihkan ekonomi negara terutamanya pada tahun 2021, dan nyatakan jumlah kekurangan pendapatan negara akibat COVID-19.

50. PR-1433-L11302
Puan Teo Nie Ching [Kulai] minta **MENTERI KANAN PENDIDIKAN** menyatakan apakah status bantuan bayaran utiliti tambahan yang juga merangkumi pembentungan sebanyak RM12 juta kepada sekolah bantuan Kerajaan setakat ini.
51. PR-1433-L10907
Tuan Haji Wan Hassan Bin Mohd Ramli [Dungun] minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan langkah-langkah pemulihan khususnya nasib pekerja dalam industri penerbangan melibatkan syarikat penerbangan MAS dan AirAsia.
52. PR-1433-L11266
Tuan Abdul Latiff bin Abdul Rahman [Kuala Krai] minta **MENTERI PEMBANGUNAN LUAR BANDAR** menyatakan bilakah projek Jambatan Pasir Kelang akan dimulakan dan apakah halangan yang menyebabkan kelewatan projek ini.
53. PR-1433-L10591
Dato' Mohd. Nizar bin Haji Zakaria [Parit] minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan masa depan industri penerbangan yang semakin suram akibat COVID-19 serta apakah perancangan Kerajaan dalam menangani kemelut dua syarikat penerbangan gergasi negara, Malaysia Airlines Berhad (MAS) dan AirAsia Berhad berhadapan dengan risiko gulung tikar termasuk lambakan pemberhentian pekerja mereka.
54. PR-1433-L11017
Datuk Seri Shamsul Iskandar @ Yusre bin Mohd Akin [Hang Tuah Jaya] minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan apakah langkah-langkah pencegahan segera untuk membendung masalah penipuan kewangan (*financial scam*) yang semakin berleluasa sejak kebelakangan ini.
55. PR-1433-L11237
Dato' Seri Tiong King Sing [Bintulu] minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan :-
- (a) apakah kemampuan bajet Kerajaan dalam menyelenggara bangunan-bangunan dan hartanah milik Kerajaan; dan
 - (b) apakah langkah-langkah Kerajaan dalam memastikan bangunan-bangunan dan hartanah milik Kerajaan diselenggara dengan baik.

PADA PERMULAAN URUSAN MESYUARAT
MENGEMUKAKAN RANG UNDANG-UNDANG KERAJAAN
UNTUK BACAAN KALI YANG PERTAMA

1. **Menteri Kewangan**

- * Rang Undang-undang Kewangan 2020.

* Menandakan bahawa Rang Undang-undang ini akan dibawa pada semua peringkat di mesyuarat ini.

ATURAN URUSAN MESYUARAT DAN USUL-USUL

1. (D.R.16/2020) Rang Undang-undang Perbekalan 2021 – **Menyambung semula perbahasan atas masalah, " Bahawa Rang Undang-Undang ini dibacakan kali yang kedua sekarang," (12 November, 2020)**

DAN

Usul dibuat oleh YB Menteri Kewangan dan masalah dicadangkan :-

“Bahawa Dewan ini, mengikut subseksyen 4(3) Akta Kumpulan Wang Pembangunan 1966 [Akta 406], membuat ketetapan iaitu suatu jumlah wang sebanyak tidak lebih dari enam puluh sembilan bilion ringgit (RM69,000,000,000) dibelanjakan daripada Kumpulan Wang Pembangunan bagi tahun 2021, dan bagi tujuan dan butiran Perbelanjaan Pembangunan yang dinyatakan di bawah Maksud Pembangunan atau (“P”) dalam senarai Anggaran Perbelanjaan Persekutuan 2021, yang dibentangkan sebagai Kertas Perintah 26 Tahun 2020, adalah diuntukkan di bawah Maksud-maksud yang berkenaan jumlah-jumlah yang bersetentangan dengan butiran-butiran itu di ruangan enam dan tujuh senarai tersebut.”

Menyambung semula Perbahasan atas masalah (12 November, 2020)

2. (D.R 11/2020) Rang Undang-Undang Koperasi (Pindaan) 2020 - **Menyambung semula perbahasan atas masalah, " Bahawa Rang Undang-Undang ini dibacakan kali yang kedua sekarang," (5 November, 2020)**

[Menteri Pembangunan Usahawan Dan Koperasi]

3. (D.R 13/2020) Rang Undang-undang Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan (Pindaan) 2020 **Bacaan Kali Yang Kedua**

[Menteri Sumber Manusia]

4. (D.R.14/2020) Rang Undang-undang Kilang dan Jentera (Pemansuhan) 2020 "

[Menteri Sumber Manusia]

5. (D.R 15/2020) Rang Undang-undang Lembaga Angkasa Malaysia 2020 **Bacaan Kali Yang Kedua**

[Menteri Sains, Teknologi Dan Inovasi]

6. (D.R.12/2020) Rang Undang-Undang Suruhanjaya Bebas Tatakelakuan Polis 2020 "

[Menteri Dalam Negeri]

7. PR-1433-U(27)141

Tuan Ahmad Tarmizi bin Sulaiman [Sik] akan mencadangkan :-

"Bahawa Dewan Rakyat ini menggesa Kerajaan membentangkan langkah dan usaha yang diambil bagi menyelesaikan isu larangan ke atas produk syarikat pengeluar minyak sawit Malaysia FGV Holdings dan kempen anti minyak sawit di Eropah. Terdapat lebih 650,000 pekebun kecil bergantung kepada tanaman sawit dan jumlah ini mencecah 2.3 juta rakyat Malaysia sekiranya bilangan kanak-kanak daripada keluarga yang terbabit juga diambil kira. Larangan ini akan menjejaskan pendapatan pekebun kecil dan peneroka yang bekerja keras demi menyara hidup mereka."

[Perdana Menteri]

8. PR-1433-U(27)144

Tuan Sabri bin Azit [Jerai] akan mencadangkan :-

"Bahawa Dewan Rakyat ini menggesa Kerajaan supaya melaksanakan tindakan yang lebih tegas terhadap isu mempersendakan institusi agama di media sosial. Perkara ini bukan sahaja telah menyebabkan kepada salah faham terhadap institusi tersebut, malah tulisan-tulisan berbentuk parodi yang diketengahkan telah mendorong kepada tanggapan negatif masyarakat terhadap ajaran Islam itu sendiri."

[Perdana Menteri]

9. PR-1433-U(27)145

Tuan Sabri bin Azit [Jerai] akan mencadangkan :-

"Bahawa Dewan Rakyat ini menggesa Kerajaan supaya mengkaji keperluan mewujudkan semula Akta Anti Berita Tidak Benar bagi menangani penularan berita palsu dan fitnah yang semakin berleluasa. Penyebaran berita palsu mengancam keselamatan, kestabilan negara dan boleh menimbulkan suasana tidak tenteram dalam kalangan masyarakat majmuk. Kempen kesedaran perangai berita palsu wajar dipergiatkan agar rakyat lebih peka dan menyemak kesahihan sebelum menyebarkan sesuatu berita."

[Perdana Menteri]

10. PR-1433-U(27)146

Tuan Che Alias bin Hamid [Kemaman] akan mencadangkan :-

"Bahawa Dewan Rakyat ini menggesa supaya Kerajaan melaksanakan pendekatan yang holistik terhadap isu pencemaran di sumber-sumber Loji Rawatan Air (LRA) sehingga menjejaskan aktiviti kehidupan seharian jutaan pengguna. Perkara ini memerlukan kepada penambahbaikan daripada aspek cegah rintang (*deterrence*) dalam peruntukan undang-undang sedia ada serta termasuklah aspek penguatkuasaan tempatan yang melibatkan semua pihak berkaitan."

[Menteri Alam Sekitar Dan Air]

11. PR-1433-U(27)147

Tuan Che Alias bin Hamid [Kemaman] akan mencadangkan :-

"Bahawa Dewan Rakyat ini menggesa supaya Kerajaan menambah anggota PERHILITAN serta aset-aset strategik dalam Parlimen Kemaman disebabkan masalah kekurangan anggota yang dihadapi ketika ini. Tambahan lagi, peningkatan hidupan liar seperti gajah di dalam Parlimen Kemaman sehingga memusnahkan tanaman penduduk setempat memerlukan perhatian yang serius oleh pihak Kerajaan."

[Menteri Tenaga Dan Sumber Asli]

12. PR-1433-U(27)148

Tuan Shaharizukirnain bin Abd. Kadir [Setiu] akan mencadangkan :-

"Bahawa Dewan Rakyat ini menggesa Kerajaan supaya memperhalusi Pelan Strategik Kebangsaan Mengenai Kesihatan Mental di negara ini khususnya dalam tempoh kritikal berhadapan penularan wabak Covid-19. Hal ini memerlukan kepada klasifikasi bentuk pendekatan yang berbeza terhadap kumpulan sasar tertentu seperti golongan barisan hadapan, pelajar sekolah dan sebagainya. Perkara ini wajar dijadikan agenda utama Kerajaan khususnya oleh pihak Kementerian itu sendiri."

[Menteri Kesihatan]

13. PR-1433-U(27)149

Tuan Nik Mohamad Abduh bin Nik Abdul Aziz [Bachok] akan mencadangkan :-

"Bahawa Dewan Rakyat ini menggesa pihak Kerajaan melakukan siasatan yang terperinci mengenai dakwaan wujudnya modus operandi baharu dalam trend pengedaran dadah di negara ini khususnya dalam tempoh pelaksanaan Perintah Kawalan Pergerakan Pemulihan (PKPP). Perancangan strategik dalam menangani isu pengedaran dan penyalahgunaan dadah di negara ini perlu sentiasa mendapat perhatian yang serius oleh pihak Kerajaan."

[Menteri Dalam Negeri]

14. PR-1433-U(27)150
Tuan Ahmad Fadhli bin Shaari [Pasir Mas] akan mencadangkan :-
"Bahawa Dewan Rakyat ini menggesa pihak Kerajaan supaya mengambil perhatian yang khusus mengenai pelan penyusunan semula operasi kecemasan Malaysia Airlines Berhad (MAB) ketika ini khususnya bagi menjamin kebajikan puluhan ribu pekerja yang bernaung di bawahnya mendapat pembelaan yang sewajarnya."
[Menteri Kewangan]
15. PR-1433-U(27)152
Tuan Haji Wan Hassan Bin Mohd Ramli [Dungun] akan mencadangkan :-
"Bahawa Dewan Rakyat ini menggesa Kerajaan supaya membentangkan usaha terkini Kerajaan khususnya pelan peruntukan vaksin COVID-19 global, (COVAX) supaya Malaysia mendapat bekalan vaksin yang mencukupi serta pada kadar segera dengan harga berpatutan apabila vaksin berkenaan terbukti selamat dan berkesan. Perkara ini amat penting untuk dibincangkan kerana impak daripada wabak ini begitu besar dan berpanjangan."
[Menteri Sains, Teknologi Dan Inovasi]
16. PR-1433-U(27)164
Dr. Nik Muhammad Zawawi bin Haji Salleh [Pasir Puteh] akan mencadangkan :-
"Bahawa Dewan Rakyat ini menggesa Kerajaan melaksanakan tindakan yang lebih tegas dan menyeluruh membanteras sindiket judi dalam talian dan penipuan seperti Macau Scam. Sindiket scammer yang semakin berleluasa ini telah menyebabkan ramai mangsa yang terpedaya dan mengalami kerugian berjumlah puluhan ribu sehingga jutaan ringgit."
[Menteri Dalam Negeri]
17. PR-1433-U(27)166
Tuan Abdul Latiff bin Abdul Rahman [Kuala Krai] akan mencadangkan :-
"Bahawa Dewan Rakyat ini menggesa supaya Kerajaan membentangkan siasatan penuh terhadap insiden kemasukan bot-bot Pendatang Asing Tanpa Izin (PATI) yang seringkali berlaku khususnya melalui lorong-lorong tikus sama ada ia benar-benar melibatkan suatu sindiket jenayah antarabangsa mengenai penyeludupan manusia. Insiden ini juga memerlukan penyiasatan terhadap penglibatan tekong-tekong tempatan dan pegawai agensi penguatkuasa yang turut bersubahat dengan sindiket. Para pesalah ini wajar dikenakan hukuman yang setimpal atas jenayah yang dilakukan."
[Menteri Dalam Negeri]

18. PR-1433-U(27)135

Datuk Seri Panglima Madius Tangau [Tuaran] akan mencadangkan :-

"MENYEDARI hakikat bahawa isu pemberian kewarganegaraan kepada Pendatang Tanpa Izin (PTI) adalah keprihatinan dan isu utama bagi Orang Asal Sabah ketika ini. Dan,

MENERIMA hakikat bahawa, seorang bernama Encik Hassnar Ebrahim telah ditangkap di bawah Akta Keselamatan Dalam Negeri (ISA) selama 2 bulan dan menjalani Tahanan Kediaman Terhad selama 2 tahun kerana terlibat secara langsung di dalam proses mengeluarkan kad pengenalan projek kepada para pendatang asing Indonesia dan Filipina sejak tahun 1976.

MENERIMA hakikat bahawa Encik Hassnar Ebrahim telah membuat pengakuan terbuka di mahkamah, surat bertulis kepada MD Mutalib dan juga dalam pelbagai ceramah BAHAWASANYA pada ketika beliau ditangkap terdapat sekitar 300,000 PTI yang mendapat kad pengenalan biru.

MENERIMA juga hakikat tentang keterangan Encik Jabar Khan, bahawa beliau ditahan di bawah ISA selama 3 tahun (1996-1999) dan 2 tahun Tahanan Kediaman Terhad (2000-2002) di Pendengaran Awam Jawatankuasa Pilihan Khas Parlimen Mengenai Integriti pada 26 Februari 2007, kerana penglibatannya secara langsung dalam proses mengeluarkan kad pengenalan biru kepada para Pendatang Tanpa Izin (PTI) sebagai Setiausaha Task Force Jawatankuasa Pengundi Luar UMNO Sabah pada 1991.

Seterusnya MENERIMA keterangan dan pengakuan Encik Jabar Khan bahawa, setelah UMNO masuk ke Sabah pada tahun 1991, maka UMNO Sabah telah menubuhkan Jawatankuasa Pengundi Luar ataupun Task Force yang diketuai oleh Bendahari UMNO Sabah ketika itu, Datuk Musa Aman, kini Tan Sri Musa Aman.

Menerima juga keterangan Encik Jabar bahawa 400,000 keping kad pengenalan biru berjaya diberikan kepada PTI dan daripada jumlah tersebut sebanyak 82,000 PTI telah dimasukkan dalam senarai pengundi di 30 kawasan DUN di Sabah.

MENYEDARI juga keterangan Encik Jabar Khan yang mengatakan bahawa, perbuatan KHIANAT yang dibuat oleh TASK FORCE UMNO Sabah itu bertujuan menjatuhkan Kerajaan Sabah di bawah teraju PBS ketika itu.

MENERIMA juga pengakuan Encik Hassnar Ebrahim bahawa, pada ketika dia ditangkap di bawah ISA sebanyak 300,000 kad pengenalan biru berjaya diberikan kepada PTI dan menurutnya kini lebih sejuta orang asing diberikan kerakyatan Malaysia melalui pintu belakang dan daripada jumlah tersebut sudah melahirkan lebih satu juta generasi TERAPUNG di negara ini.

Menyedari hakikat bahawa pertumbuhan penduduk Sabah sangat luar biasa berbanding Penduduk Sarawak pada masa yang sama seperti berikut:

Tahun	Sabah	Sarawak
1951	334,141	
1960	454,561	
1970	636,431	976,269
1980	929,299	1,235,553
1991	1,734,685	1,642,771
2000	2,449,389	2,012,616
2005	3,313,000	2,340,000
2010	3,330,000	2,560,000

Menyedari hakikat bahawa kadar pertumbuhan penduduk Sabah yang luar biasa ini adalah kesan daripada perbuatan khianat sepertimana keterangan dan pengakuan Encik Hassnar Ebrahim dan Encik Jabar Khan yang didalangi oleh pemimpin-pemimpin UMNO seperti Megat Junid dan Musa Aman.

Menyedari hakikat bahawa satu pengkhianatan dan jenayah telah berlaku yang melibatkan seluruh Jabatan Pendaftaran Negara dan juga kepimpinan negara.

Dan menerima hakikat bahawa, Pengerusi Jawatankuasa Keutuhan Negara yang dipengerusikan oleh Perdana Menteri pada ketika itu telah mengarah Ketua Pengarah Jabatan Pendaftaran Negara dan juga Ketua Pengarah Jabatan Imigresen supaya tidak hadir memberi keterangan dalam Pendengaran Awam Jawatankuasa Pilihan Khas Parlimen Mengenai Integriti, yang akhirnya menyebabkan Pengerusinya, Tan Sri Bernard Dompok meletakkan Jawatan.

MENERIMA HAKIKAT bahawa hak-hak rakyat Orang Asal Sabah telah dirampas dan dicabuli oleh pengkhianat-pengkhianat yang rakus dan gila kuasa. Kini orang-orang Sabah merasa terpinggir di tanah air mereka sendiri.

MENERIMA KESAN secara langsung perbuatan khianat tersebut terhadap Orang Asal Sabah, menjadi miskin hanya kerana mereka terpaksa berkongsi kekayaan Sabah serta segala perkhidmatan Kerajaan dengan PTI. Akibatnya pendapatan per kapita GDP Sabah hanya USD5000 atau RM25 000 berbanding RM45 000 bagi Malaysia dan RM49 000 bagi Sarawak.

MENERIMA dan MENYEDARI fakta-fakta tersebut maka Dewan Yang Mulia ini hendaklah menjalankan kewajipan untuk menegakkan kebenaran dan melaksanakan keadilan dengan mempertimbangkan Usul Kewarganegaraan ini dengan meminta kesemua mereka yang disebut oleh Encik Hassnar dan Encik Jabar Khan supaya dibawa ke muka pengadilan di atas jenayah yang mereka telah lakukan.

Pada masa yang sama kad pengenalan Malaysia yang ada pada hari ini hendaklah diganti dengan yang baru dan setiap pemegang kad pengenalan yang ada sekarang hendaklah memohon kembali dengan menggunakan surat beranak yang sah ataupun dokumen-dokumen yang sah laku daripada segi undang-undang. "

[Menteri Dalam Negeri]

19. PR-1433-U(27)136

Tuan Fong Kui Lun [Bukit Bintang] akan mencadangkan :-

"Kerajaan supaya mempergiatkan usaha untuk menyatupadukan rakyat berbilang kaum di Malaysia yang kelihatan masih lemah dan longgar meskipun negara telah menjadi negara merdeka dan berdaulat sejak 63 tahun supaya mereka boleh hidup dengan aman dan saling memerlukan dan memahami bagi memudahkan mereka membangunkan ekonomi negara secara bersama dan merealisasi impian Malaysia."

[Menteri Perpaduan Negara]

20. PR-1433-U(27)137

Tuan Fong Kui Lun [Bukit Bintang] akan mencadangkan :-

"Kerajaan memulihkan pilihan raya Kerajaan Tempatan seluruh negara supaya urus tadbir Kerajaan Tempatan menjadi lebih cekap, akauntabiliti dan bersih dengan mengambil langkah pertama untuk membuat kajian serius dan melakukan pungutan suara antara rakyat."

[Menteri Perumahan Dan Kerajaan Tempatan]

21. PR-1433-U(27)138

Dato' Wira Haji Amiruddin bin Haji Hamzah [Kubang Pasu] akan mencadangkan :-

"Bahawa Dewan ini memberi kebenaran kepada Ahli Yang Berhormat bagi Kawasan Kubang Pasu untuk mencadangkan suatu usul iaitu menurut Peraturan Mesyuarat 26(1) dibaca bersama Peraturan Mesyuarat 27(3), dalam Peraturan-Peraturan Mesyuarat Dewan Rakyat, mengemukakan resolusi untuk membuat ketetapan bahawa Perdana Menteri Tan Sri Muhyiddin bin Yassin sebagai Ahli Yang Berhormat Pagoh tidak mempunyai keyakinan majoriti Ahli-ahli Yang Berhormat Dewan Rakyat."

[Perdana Menteri]

22. PR-1433-U(27)165
